

# KAMPUCHEA: LANGKAH PM DI FIJI

SUVA (Fiji), Rabu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir berharap, untuk menarik lebih banyak sokongan kepada Kerajaan Bersatu Demokratik Kampuchea yang di pimpin oleh Putera Norodom Sihanouk, Malaysia akan menimbulkannya dalam sidang kemuncak Komanwei Rantau Asia Pasifik (CHOGRM) yang akan bermula esok di sini.

"Kita berharap akan menimbulkan soal ini kerana ia patut mendapat sokongan," katanya menjawab soalan para wartawan setelah tiba di Lapangan Terbang Suva, petang ini.

Beliau tidak mengulas lebih lanjut, tetapi isu ini dijangka akan mendapat perhatian yang berat. Kerana Singapura juga sudah tentu akan menekankan sikap bersama ASEAN tentang Kampuchea di sidang ini, sekiranya ditimbulkan.

Di kalangan negara-negara yang hadir, hanya India yang menentang kedudukan Kampuchea Demokratik di Bangsa-Bangsa Bersatu dan mengiktiraf kerajaan boneka Vietnam di Phnom Penh.

Ditanya lagi, tentang apa yang ingin dipaparkannya dalam sidang ini, Perdana Menteri berkata, beliau, terutamanya ingin

meninjau keadaan kerana inilah pertama kali beliau menghadiri sidang kemuncak Komanwei.

Beliau berminat mengkaji cara-cara meningkatkan kerjasama serantau dan juga dua hala dalam bidang perdagangan.

Sebagai lanjutan dari lawatannya ke Fiji bulan Jun lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir membawa

bersama rombongannya beberapa orang ahli perniagaan yang terkemuka dari sektor swasta Malaysia untuk meninjau peluang-peluang pelaburan yang ada di Fiji dan juga di tempat-tempat lain sekitar rantau Pasifik.

Anggota rombongan swasta ini terdiri dari Encik Tan Soon Kwan, yang mewakili Supreme

Corporation dan Multi-Purpose Holdings, Datuk Khoo Kay Peng, mewakili Malaysian United Industries, Datuk Salleh Yusoff, dari Perwira Habib Bank, Encik Hashim Shamsuddin, dari Bank Bumiputra, Encik Mohammad Abdullah, dari Maa Holdings, Encik Robert Kuok dan Encik Beau Kuok, dari Kumpulan Kuok Brothers.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia